

03 AUG 1997

MAHATHIR UCAP SELAMAT JALAN KEPADA NAWAZ

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengucapkan selamat jalan kepada rakan sejawatannya dari Pakistan, Nawaz Sharif, hari ini sebelum mengiringi beliau ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah untuk berlepas pulang.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Nawaz tiba Khamis lepas untuk lawatan empat hari ke Malaysia.

Semasa lawatan itu, Malaysia dan Pakistan telah menandatangani perjanjian persefahaman membabitkan kerjasama dalam bidang pertahanan.

Pada pertemuan antara kedua-dua pemimpin itu, Nawaz menyatakan Pakistan berminat menyertai Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) dan Mesyuarat Asia-Eropah (Asem).

Dr Mahathir dan Nawaz juga menyaksikan perjanjian antara Inno-Enhance Sdn Bhd dengan kerajaan Punjab dan Lembaga Industri Punjab untuk memulakan satu zon pemerosesan export di Pakistan.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan Pakistan juga boleh menjalin kerjasama untuk mengkaji peluang di negara ketiga terutama di republik yang baru mencapai kemerdekaan di Asia tengah yang mempunyai potensi pasaran yang luas. -- BERNAMA

ARA